

Berita Harian Februari 2020

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan
1.	Sabtu 1 Februari 2020	Gelaran Datuk hargai jasa Salwani simpan bukti pindaan laporan 1MDB	1Malaysia Development Berhad (1MDB).
2.	Selasa 4 Februari 2020	Jho Low ada hubungan istimewa dengan Arab Saudi dan UAE - Najib	SRC International Sdn Bhd
3.	Khamis 6 Februari 2020	"Mem tahu projek solar Jepak"	projek solar hibrid.
4.	Khamis 6 Februari 2020	Rosmah minta segera lulus projek solar kepada Jepak - Mahdzir	projek solar hibrid.
5.	Isnin 10 Februari 2020	Rosmah arah jangan lengahkan urusan projek solar	projek solar hibrid.
6.	Selasa 11 Februari 2020	SPRM keluar waran tangkap Jho Low, 2 pengarah PetroSaudi	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
7.	Khamis 13 Februari 2020	Jepak tidak lalui ujian rintis - Saksi	Tan Sri Dr Madinah Mohamad
8.	Khamis 13 Februari 2020	Rosmah tunjuk minat luar biasa terhadap projek solar	projek solar hibrid.
9.	Ahad 16 Februari 2020	Siasatan projek tukar tanah belum ada maklum balas SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
10.	Isnin 17 Februari 2020	Rakan kongsi Jepak ugut bongkar pembabitan Najib dan Mem	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
11.	Isnin 17 Februari 2020	Pegawai penyiasat 1MDB tidak mahu jumpa peguam Najib	1Malaysia Development Berhad (1MDB).
12.	Isnin 17 Februari 2020	Pelaksanaan projek solar hibrid arahan Najib - Saksi	projek solar hibrid.
13.	Isnin 17 Februari 2020	Jepak tetap kos projek solar hibrid	projek solar hibrid.
14.	Selasa 18 Februari 2020	Sistem solar tidak sesuai di sekolah terpencil di Sarawak	projek solar hibrid

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan
15.	Selasa 19 Februari 2020	Mahkamah larang peguam bela tanya soalan peribadi saksi	Hakim Mahkamah Tinggi, Mohamed Zaini Mazlan
16.	Rabu 19 Februari 2020	RM6 juta jadi sumbangan politik jangka panjang - saksi	Timbalan Pengarah Urusan Datasonic Group Berhad (DGB), Chew Ben Ben
17.	Jumaat 21 Februari 2020	Najib, Rosmah beri keterangan kepada SPRM pula	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
18.	Jumaat 21 Februari 2020	Ahmad Maslan mohon batalkan tuduhan	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
19.	Isnin, 24 Februari 2020	Goldman Sachs mengaku tidak bersalah tuduhan terbitan bon 1MDB RM27.2 BILION	1Malaysia Development Berhad (1MDB)
20.	Rabu 26 Februari 2020	RM32 juta daripada Putra Perdana masuk akaun Najib	SRC International Sdn Bhd



PENGARAH Sektor Audit Tadbir Urus Jabatan Audit Negara, Nor Salwani Muhammad.

1. Gelaran Datuk hargai jasa Salwani simpan bukti pindaan laporan 1MDB

KUALA LUMPUR: Pengarah Sektor Audit Tadbir Urus Jabatan Audit Negara, Nor Salwani Muhammad dianugerahkan gelaran Datuk hari ini, bagi menghargai jasanya menyimpan bukti pindaan ke atas laporan audit 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad, menjelaskan penganugerahan itu sebagai manifestasi kementeriannya yang tegas menolak sebarang unsur rasuah dan salah guna kuasa oleh mana-mana pihak.

"Ini sebagai tanda Kementerian Wilayah Persekutuan menolak apa juga bentuk penyelewengan dan salah guna kuasa.

"Jika ada mana-mana pegawai atau menteri melakukan kesalahan, maka pegawai perkhidmatan awam tak boleh melindungi mereka kerana kamu pegang amanah untuk menjaga dan mempertahankan kepentingan negara dan rakyat.

"Apa yang Datuk Salwani lakukan adalah tindakan yang wajib dipuji, dan kerana itu kita setuju beri gelaran Datuk padanya," katanya selepas melancarkan Konvoi Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan Ke-16 di Dataran Merdeka, hari ini.

Terdahulu, Nor Salwani antara 25 individu dianugerahkan Panglima Mahkota Wilayah (PMW) yang membawa gelaran Datuk pada istiadat pengurniaan darjah kebesaran, bintang dan pingat sempena

Hari Wilayah Persekutuan oleh Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Istiadat itu berlangsung kali pertama di Istana Melawati, di Putrajaya, berbanding kebiasaan istiadat berkeraan diadakan di Istana Negara.

Pada 2016, Nor Salwani secara rahsia menyimpan satu daripada 60 salinan laporan asal 1MDB, selepas diarahkan berbuat demikian kerana hanya salinan yang telah dipindah akan diserahkan kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC).

Tindakannya itu membantu pihak pendakwa raya dalam perbicaraan kes bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan bekas Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB, Arul Kanda Kandasamy berhubung dakwaan meminda laporan akhir audit 1MDB.



Selasa 4 Februari 2020



Jho Low (kanan) dan Datuk Seri Najib Razak.

2. Jho Low ada hubungan istimewa dengan Arab Saudi dan UAE - Najib

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi di sini, hari ini, diberitahu bahawa ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau lebih dikenali sebagai Jho Low, memiliki hubungan istimewa dengan Arab Saudi dan Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Datuk Seri Najib Razak berkata, Jho Low memberi jaminan mengenai hubungan istimewa itu ketika awal penubuhan Lembaga Pelaburan Terengganu (TIA) yang kemudian dikenali dengan nama 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Katanya, hubungan istimewa didakwa Jho Low berkenaan menyebabkan Sultan Terengganu yang juga Yang di-Pertuan Agong ketika itu, Sultan Mizan Zainal Abidin, kagum dengan ahli perniagaan berkenaan.

Najib yang menjawab soalan peguamnya, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah, pada sesi pemeriksaan semula berkata, beliau mahu bebas dari segi kewangan dan tidak mahu terikat dengan tajaan korporat walaupun ia mengikut peruntukan undang-undang.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, beliau menyedari bahawa Arab Saudi secara khususnya bermurah hati dan menyokong negara Islam di seluruh dunia.

Terdahulu ketika menjawab soalan seorang lagi peguamnya, Harvinderjit Singh, Najib berkata, beliau lebih selesa jika tidak menerima derma daripada syarikat korporat kerana tidak mahu terhutang budi kepada sesiapa.

"Sebagai Presiden UMNO ketika itu, saya mahu sumber pendapatan yang menjadikan saya bebas daripada penderma lain," katanya.

Najib berkata, beliau juga kagum dengan peranan Jho Low mengatur pertemuan bersama Raja Arab Saudi ketika itu, Raja Abdullah Abdulaziz Al-Saud (kini Almarhum), melalui Wisma Putra.

Katanya, sikap Jho Low tidak menunjukkan bahawa beliau seorang yang mempunyai perwatakan tidak baik.

Sehubungan itu, beliau berkata, Sultan Mizan mempunyai keyakinan tinggi terhadap ahli perniagaan berkenaan.

Najib selesai memberikan keterangan, hari ini, selepas 13 hari membela diri atas pertuduhan pecah amanah, rasuah dan pengubahan wang haram membabitkan RM42 juta dana SRC International Sdn Bhd.

Prosiding bela diri akan mendengar keterangan saksi pembelaan kedua, iaitu bekas Pegawai Perhubungan AmBank, Krystle Yap Wy-Sze.



Rosmah hadir pada perbicaraan kes rasuah projek tenaga solar di sekolah luar bandar Sarawak di Mahkamah Tinggi, Jalan Duta.

3. "Mem tahu projek solar Jepak"

KUALA LUMPUR: Bekas pembantu khas Datuk Seri Najib Razak, Datuk Rizal Mansor menghubungi Menteri Pendidikan ketika itu bagi memberitahu bahawa Najib sudah membuat keputusan mengenai projek tenaga solar untuk sekolah luar bandar di Sarawak.

Datuk Seri Mahdzir Khalid dalam keterangan beliau di Mahkamah Tinggi hari ini berkata, Rizal turut mempersoalkan mengapa beliau (Mahdzir) perlu membuat syarat-syarat lain bagi projek itu, selain menyatakan bahawa 'mem' sudah mengetahui mengenai projek solar syarikat Jepak Holdings Sdn Bhd.

Mahdzir berkata, beliau memberitahu Rizal bahawa keputusan itu adalah mengikut peraturan dan Jawatankuasa Teknikal Kementerian Pendidikan, malah perkara itu sudah dibawa kepada Kementerian Kewangan untuk diluluskan.

Menurut saksi pendakwaan kelima itu, perbualan telefon kemudian ditamatkan selepas itu.

"Saya tahu mem yang dimaksudkan adalah Datin Seri Rosmah Mansor, ...saya juga tahu Datuk Rizal sebenarnya menelefon bagi pihak Rosmah," katanya.

"Dalam perbualan telefon itu, Rizal bertanya mengapa memberikan projek rintis sahaja kepada Jepak sedangkan Najib sudah memberikan arahan untuk membatalkan sistem lama dan melaksanakan sistem baru."

"Rizal juga mempertikaikan mengapa keputusan dibuat untuk menamatkan kontrak sekolah yang disambung ke talian grid elektrik. Saya beritahu, itu adalah keputusan Jawatankuasa Teknikal Kementerian Pendidikan dan saya hanya bersetuju dengan keputusan itu," katanya ketika membacakan pernyataan saksi.

Mahdzir berkata, beliau juga ada berjumpa dengan Pengarah Urusan Jepak, Saidi Abang Samsudin dan rakan perniagaannya, Rayyan Radzwill Abdullah (sama ada di Hotel Seri Pacific atau Intercontinental) yang menyatakan rasa tidak puas hati dengan keputusannya (Mahdzir) dan Kementerian Pendidikan.

Menurut Mahdzir, Saidi adalah ahli perniagaan dari Bintulu, Sarawak dan kenalan lamanya yang juga Ahli parti Pesaka Bumiputra Bersatu.

Saidi dan Rayyan memberitahu, Najib sudah beri arahan untuk membatalkan projek lama dan 'proceed' dengan sistem baharu dan mereka juga tidak berpuas hati dengan syarat untuk menamatkan kontrak jika sekolah sudah disambung ke talian grid elektrik.

Saidi memberitahu bahawa mereka akan berjumpa dengan Perdana Menteri berhubung perkara itu manakala Rayyan mengugut bahawa beliau (Mahdzir) tidak akan lama memegang jawatan menteri kerana tidak mengikut arahan Najib.

"Saya hanya menjawab terpulang kepada mereka sama ada untuk berjumpa Najib atau apa-apa sahaja mereka hendak lakukan. Mereka beredar dalam keadaan tidak berpuas hati dengan tindakan saya dan Kementerian Pendidikan.

"Pada 7 Jun 2016, saya menerima arahan lanjut daripada Najib melalui Minit pada surat Jepak yang diiringi surat Pejabat Perdana Menteri. Najib mengarahkan saya untuk melaksanakan projek solar hibrid Jepak seperti mana diarahkan sebelum ini.

"Berdasarkan pemahaman saya melalui surat Jepak bertarikh 2 Jun 2016 pula, Jepak memohon Najib memberi arahan untuk menyegerakan pelantikan syarikat itu melaksanakan projek solar hibrid. Setahu saya surat itu dibuat Saidi kerana tidak berpuas hati dengan keputusan projek rintis," katanya.

Antara Disember 2015 dan 31 Mei 2016, Mahdzir berkata, Saidi selalu meminta bantuannya untuk menyegerakan permohonan projek solar hibrid dan memberikan projek itu kepada Jepak.

Mahdzir berkata, beliau bagaimanapun tidak melayan permintaan Saidi dan kerap kali memberitahu bahawa beliau perlu menuruti proses pentadbiran dan menunggu maklum balas daripada pegawai kementerian.

Bagaimanapun, selepas April 2016, Mahdzir berkata, Rayyan mula mendesaknya untuk memberikan projek itu kepada Jepak dan memintanya menurut sahaja arahan Perdana Menteri tanpa melalui proses teknikal.

"Rayyan pernah beritahu saya lebih kurang, ..."apa yang you susah sangat nak ikut arahan PM? PM dah bagi minit, you follow saja." ..Rayyan beritahu saya untuk batalkan kontrak sedia ada.

"Saya pernah beritahu Saidi dan Rayyan bahawa Kementerian Pendidikan mempunyai rancangan penyambungan sekolah di Sarawak ke talian grid elektrik.

"Mereka tidak berpuas hati dengan perkara itu kerana ini akan mengurangkan bilangan sekolah untuk projek solar hibrid," katanya.

Dua atau tiga bulan sebelum Kementerian Pendidikan mendapat arahan Najib untuk melaksanakan projek solar hibrid, Mahdzir berkata Saidi pernah berjumpa dan bertanya sama ada boleh mengemukakan cadangan bagi melaksanakan projek itu menggantikan projek genset diesel.

Menurut saksi, melalui perbualan itu, beliau beranggapan bahawa Saidi mahu mengambil alih keseluruhan projek genset diesel daripada kontraktor sedia ada dengan bantuannya (Mahdzir).

"Saya menolak permohonan Saidi pada masa itu kerana Kementerian Pendidikan masih terikat dengan kontrak perkhidmatan sedia ada, ...saya juga meragui kemampuan Jepak untuk melaksanakan projek solar hibrid, apatah lagi pada skala besar merangkumi 369 buah sekolah.

"Pada ketika itu Saidi akur dengan kata-kata saya, bagaimanapun pada 16 Disember 2015, saya menerima arahan daripada Najib untuk melaksanakan projek solar berkenaan berserta surat iringan daripada Pejabat Perdana Menteri yang diterima di pejabat saya di Putrajaya.

"Merujuk surat Jepak bertarikh 23 November 2015, saya mengesahkan Najib membuat catatan pada Minit "bersetuju dilaksanakan sistem baharu dan batalkan sistem lama" yang ditandatanganinya," katanya.



MENTERI Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid (tengah) ketika ditemui di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur

4. Rosmah minta segera lulus projek solar kepada Jepak - Mahdzir

KUALA LUMPUR: Datin Seri Rosmah Mansor mengarahkan Menteri Pendidikan mempercepatkan proses kelulusan projek solar hibrid sekolah luar bandar di Sarawak kepada syarikat Jepak Holdings Sdn Bhd (Jepak), Mahkamah Tinggi hari ini diberitahu.

Datuk Seri Mahdzir Khalid yang ketika itu memegang jawatan Menteri Pendidikan, berkata insiden itu berlaku pada malam 23 Jun 2016 selepas jamuan berbuka puasa di kediaman rasmi Perdana Menteri di Kompleks Seri Perdana, Putrajaya.

Mahdzir yang juga saksi pendakwaan kelima, berkata insiden itu menunjukkan kepentingan Rosmah dalam projek solar hibrid.

"Semasa saya bersalaman dengan Datin Seri Rosmah sebelum beredar balik, beliau memberitahu saya lebih kurang, "you tengok la projek solar Cikgu Aaezmy (Setiausaha UMNO Pekan, Datuk Ahmad Aaezmy Abu Talib), cepatlah sikit.

"Saya sekadar menjawab lebih kurang "ya, ya" sahaja kerana ramai orang pada masa itu... apa yang saya faham daripada mesej itu ialah beliau mengarahkan saya mempercepatkan proses kelulusan projek solar Jepak.

"Insiden ini mengukuhkan kepercayaan saya kepada pembabitan Datin Seri Rosmah dalam team 'Saidi' seperti mana yang pernah diberitahu Pengarah Urusan Jepak, Saidi Abang Samsudin kepada saya..."

oleh kerana Rosmah bercakap dengan saya, saya rasa perlu mengambil serius dan perhatian ke atas arahan itu," katanya.

Mahdzir berkata, autoriti (kuasa) Rosmah terbukti apabila beliau sebagai isteri Perdana Menteri berani mengarahkannya sebagai Menteri Pendidikan untuk 'tengokkan' dan 'cepatkan sikit' projek solar terbabit.

Menurut Mahdzir, team Saidi yang dimaksudkan ialah merujuk Saidi; Rayyan (rakan perniagaannya iaitu Rayyan Radzwill Abdullah); Rosmah; bekas pembantu khas Datuk Seri Najib Razak, Datuk Rizal Mansor dan Aazmey.

Menurut Mahdzir, beliau juga mengetahui bahawa Jepak menghantar surat kepada Najib ditujukan kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan untuk mempercepatkan proses kelulusan pelantikan secara rundingan terus.

Mahdzir berkata, beliau juga mendapat tahu Najib mengarahkan Ketua Setiausaha Perbendaharaan ketika itu, Tan Sri Mohd Irwan Serigar Abdullah, bagi tujuan sama.

"Pada 1 November 2016 saya dimaklumkan Kementerian Kewangan meluluskan permohonan Kementerian Pendidikan untuk berunding terus dengan Jepak.

"Pada 8 November 2016, saya menerima arahan daripada Najib untuk mengeluarkan Surat Serah Terima (SST) kepada Jepak melalui catatan minit pada surat Jepak bertarikh 6 November 2016 yang disertakan satu surat Pejabat Perdana Menteri yang saya terima.

"Minit itu ditujukan kepada saya dengan arahan 'Sila keluarkan SST (LOA) untuk projek berdasarkan surat Jepak Holdings dengan segera' yang ditandatangani Najib," katanya.

Jelas saksi itu, beliau berasa seperti ditekan oleh 'team Saidi' untuk mengeluarkan SST kepada Jepak dengan kadar segera.

Pada 9 November 2016, saksi itu berkata, beliau berjuma bersama Najib di ruang legar bilik mesyuarat Kabinet di bangunan Perdana Putra, Putrajaya dan menasihatkannya untuk menangguhkan pengeluaran SST kepada Jepak kerana ada beberapa prosedur yang perlu dipatuhi oleh syarikat dan Kementerian Pendidikan.

Bagaimanapun katanya, Najib tidak mengendahkan nasihat itu dan mengarahkannya menyegerakan tindakan berkenaan.

Perbicaraan di hadapan Hakim Mohamed Zaini Mazlan bersambung Isnin depan.



Isteri bekas Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor hadir ke Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bagi perbicaraan kes berhubung projek pembekalan dan pemasangan tenaga solar sekolah luar bandar di Sarawak.

5. Rosmah arah jangan lengahkan urusan projek solar

KUALA LUMPUR: Datin Seri Rosmah Mansor mengarahkan bekas Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid untuk tidak melengahkan urusan projek solar hibrid dan mengikut arahan minit oleh Datuk Seri Najib Razak.

Mahdzir berkata, arahan itu dibuat ketika Rosmah menghubunginya pada 22 Disember 2016.

"Saya ingat lagi apabila menjawab panggilan berkenaan, Rosmah memberitahu saya bahawa beliau hanya menolong Cikgu Aazmey (bekas Pengarah Jabatan Pelajaran Pahang, Datuk Aazmey Abu Talib) dalam projek solar hibrid.

"Secara tiba-tiba Rosmah cakap sedemikian dengan saya dan juga memberitahu untuk menuruti saja arahan minit Najib," katanya.

Mahdzir berkata demikian dalam perbicaraan kes rasuh isteri bekas Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor berhubung projek tenaga solar di sekolah luar bandar Sarawak di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi, Mohamed Zaini Mazlan.

Mahdzir saksi kelima pendakwaan, berkata beliau tidak mempunyai keraguan bahawa Rosmah terbabit menolong Saidi Abang Samsudin (Pengarah Urusan JEPAK) untuk mendapatkan projek solar hibrid daripada Kementerian Pendidikan.



Jho Low.

6. SPRM keluar waran tangkap Jho Low, 2 pengarah PetroSaudi

PUTRAJAYA: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sudah mengeluarkan waran tangkap dan menghubungi Interpol untuk mengeluarkan Notis Merah terhadap ahli perniagaan dalam buruan Low Taek Jho atau lebih dikenali Jho Low serta dua yang lain berhubung skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

SPRM memfailkan permohonan waran tangkap itu di Mahkamah Majistret Kuala Lumpur semalam dan permohonan itu didaftarkan di hadapan Majistret S Mageswary.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Latheefa Koya, berkata selain Jho Low, dua individu yang dicari adalah Pengarah PetroSaudi International Limited (PSI) warga Arab Saudi, Tarek Obaid dan warga Britain, Patrick Mahony.

Latheefa berkata, semalam mereka didakwa tanpa kehadiran (*in absentia*) terhadap pertuduhan konspirasi jenayah dalam membantu pengubahan wang berjumlah AS\$69 juta (RM286 juta) yang dikatakan berkaitan dengan 1MDB dan SRC International.

"Kami sudah mendakwa tetapi mereka tiada dalam negara, jadi waran tangkap terpaksa dikeluarkan semalam," katanya pada Simposium Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) 2020 mengenai Permerkasaan Wanita untuk Melawan Rasuah, di sini, hari ini.

Latheefa berkata, SPRM diberi kuasa untuk mendakwa individu berkenaan walaupun mereka adalah warga asing yang berada di luar negara.

"Apa yang anda selalu dengar adalah jumlah (wang) dalam negara.

"Realitinya, kita bercakap mengenai (wang) di seluruh dunia," katanya.

Beliau berkata, ketiga-tiga individu yang dicari itu mempunyai maklumat mengenai wang berkenaan.

Pada November lalu, Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi, ketika memberi keterangan pada perbicaraan terhadap Datuk Seri Najib Razak, memberitahu bahawa Jho Low berkonspirasi dengan Patrick dan Tarek untuk mengelirukan bekas Perdana Menteri itu.



Khamis 13 Februari 2020



Tan Sri Dr Madinah Mohamad hadir pada perbicaraan kes rasuah berhubung projek tenaga solar di sekolah luar bandar Sarawak di Mahkamah Tinggi, Jalan Duta

7. Jepak tidak lalui ujian rintis - Saksi

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak mengeluarkan arahan supaya projek solar hibrid bagi 369 sekolah luar bandar Sarawak oleh Jepak Holdings Sdn Bhd tidak perlu melalui ujian rintis.

Perkara itu didebakkan bekas Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pendidikan, Tan Sri Dr Madinah Mohamad, 64, dalam keterangannya di Mahkamah Tinggi di sini, hari ini pada perbicaraan kes rasuah dihadapi Datin Seri Rosmah Mansor.

Madinah berkata, Najib mengeluarkan arahan itu menerusi minit bertarikh 7 Jun 2016, dengan arahan 'sila laksanakan seperti minit saya dulu' kepada bekas Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid, pada minit bertarikh 7 Jun 2016.

"Dengan minit ini, ujian rintis dan kajian terperinci terhadap projek solar hibrid tidak boleh diteruskan lagi. Ini kerana ujian rintis dan kajian terperinci mengambil masa untuk diselesaikan."

"Selain itu, keputusan serta takat pelaksanaan projek solar hibrid bergantung kepada input yang diterima daripada ujian rintis dan kajian terperinci yang telah dibuat," katanya ketika membacakan pernyataan saksinya pada hari keenam perbicaraan di hadapan Hakim Mohamed Zaini Mazlan.

Madinah yang juga bekas Ketua Audit Negara berkata, arahan Najib itu dikeluarkan dalam jangka masa yang dekat dengan protes oleh Rayyan Radzwill Abdullah (rakan kongsi Jepak Holdings Sdn Bhd) berhubung pelaksanaan projek solar hibrid secara ujian rintis.

"Rayyan tidak mahu ujian rintis dilaksanakan kerana ia akan menangguhkan proses kelulusan projek itu kepada Jepak dan terpaksa menanggung risiko kewangan sekiranya ujian rintis gagal."

"Saya mendapati Mahdzir terus bersetuju untuk melaksanakan projek solar hibrid selepas mendapat minit daripada Datuk Seri Najib. Malah Datuk Seri Mahdzir mengarahkan saya untuk bertindak segera dalam melaksanakan projek solar hibrid," katanya.

Saksi keenam pendakwaan itu berkata berdasarkan pengalamannya, walaupun Najib sering memberikan arahan melalui minit atas surat syarikat, Najib jarang memohon maklum balas daripada Kementerian Pendidikan berkenaan arahannya kecuali untuk kes yang luar biasa.

"Daripada pemerhatian saya, kes yang luar biasa adalah projek yang berupaya memberi manfaat politik kepada Najib."

"Bagi kes sebegini, Najib akan bertanya status dan tindakan yang diambil sama ada daripada saya atau Mahdzir ketika mesyuarat atau dalam perjumpaan sampingan," katanya.

Rosmah, 68, mengaku tidak bersalah atas pertuduhan meminta RM187.5 juta dan dua pertuduhan menerima rasuah RM6.5 juta daripada Pengarah Urusan Jepak Holdings Sdn Bhd, Saidi Abang Samsudin, menerusi bekas pembantu Rosmah iaitu Datuk Rizal Mansor bagi projek membekalkan tenaga solar kepada 369 sekolah luar bandar di Sarawak.

Rosmah didakwa melakukan perbuatan itu di tiga tempat berasingan iaitu Lygon Cafe, Sunway Putra Mall, Jalan Putra; di kediamannya di Jalan Langgak Duta, Taman Duta, dan di Kediaman Seri Perdana, Persiaran Seri Perdana, Presint 10, Putrajaya, antara Januari 2016 dan 7 September 2017.



ROSMAH hadir pada perbicaraan kes rasuah projek solar hibrid untuk sekolah luar bandar Sarawak di Mahkamah Tinggi, Jalan Duta, hari ini.

8. Rosmah tunjuk minat luar biasa terhadap projek solar

KUALA LUMPUR: Projek solar hibrid adalah satu-satunya projek kerajaan di mana Datuk Seri Rosmah Mansor sendiri menunjukkan minat dan kepentingannya untuk menjayakan permohonan yang dikemukakan oleh Jepak Holdings Sdn Bhd (Jepak).

Bekas Ketua Setiausaha (KSU) Pendidikan, Tan Sri Dr Madinah Mohamad, dalam keterangannya di Mahkamah Tinggi di sini, hari ini, berkata sebelum ini Rosmah tidak pernah membuat sebarang permintaan membabitkan projek kerajaan kepadanya.

Madinah, 64, berkata permintaan isteri bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak itu kebiasaan disalurkan melalui pegawai khas beliau untuk program PERMATA atau dibuat sendiri oleh Rosmah dalam mesyuarat membabitkan bekalan atau urusan gaji guru PERMATA.

"Bagaimanapun, ketika menghadiri majlis PERMATA, berlaku insiden luar biasa dan menimbulkan tanda tanya dalam diri saya.

"Insiden luar biasa itu berlaku selepas tamatnya majlis PERMATA yang diadakan di kediaman rasmi Perdana Menteri di Kompleks Seri Perdana, Putrajaya yang membabitkan Rosmah," katanya di hadapan Hakim Mohamed Zaini Mazlan.

Madinah berkata, sebaik Rosmah memasuki kereta dan menurunkan tingkap kereta serta memanggil dengan cara melambai ke arahnya.

"Apabila saya menghampiri Rosmah, beliau memberitahu saya lebih kurang; "You (awak) tengok sikit projek solar, cepatkan sikit."

"Saya hanya menjawab "Insya-Allah Datin Seri" dan selepas itu beliau beredar," katanya pada perbicaraan kes rasuah projek solar hibrid untuk 369 sekolah luar bandar di Sarawak yang dihadapi Rosmah.

Madinah berkata, apa yang beliau faham daripada permintaan Rosmah adalah memerlukan bantuannya sebagai KSU Kementerian Pendidikan untuk menyegerakan urusan perolehan projek solar hibrid supaya projek itu dianugerahkan kepada Jepak.

Permintaan daripada Rosmah mewujudkan suatu keperluan mendesak dalam dirinya bahawa permohonan itu perlu diberi perhatian dan beliau perlu menyusul segera untuk menjayakan permohonan oleh Jepak.

"Sekiranya saya tidak mengambil berat mengenai permohonan itu, Rosmah boleh mengadu kepada Najib mengenai kelewatan di pihak saya.

"Tambahan pula, suami beliau (Najib) mengeluarkan arahan untuk melaksanakan projek solar hibrid Jepak untuk menggantikan projek genset diesel," katanya.

Tambah Madinah, sebagai penjawat awam, sebarang teguran daripada Perdana Menteri adalah suatu perkara yang sangat serius kecuali dalam keadaan tertentu yang tidak membolehkan tindakan diteruskan.

Insiden itu berlaku sebelum Jun 2016, bagaimanapun, sekitar bulan April hingga September 2016, terdapat beberapa individu luar yang menekan Kementerian Pendidikan untuk menyegerakan urusan perolehan projek solar kepada Jepak.

"Selain Rosmah, individu tersebut dalam pengetahuan saya ialah rakan kongsi Said Abang Samsudin dan bekas pembantu Rosmah, Datuk Rizal Mansor," katanya.



TIMBALAN Menteri Pertahanan, Liew Chin Tong.

9. Siasatan projek tukar tanah belum ada maklum balas SPRM

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertahanan belum menerima sebarang maklum balas rasmi daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung siasatan terhadap 16 kes projek pertukaran tanah atau 'land swap'.

Timbalan Menteri Pertahanan, Liew Chin Tong, berkata bagaimanapun kementerian tidak mempunyai kuasa sama ada untuk memberi arahan kepada SPM supaya mempercepatkan siasatan berkenaan.

Beliau berkata, pihaknya menyerahkan kepada SPM untuk menjalankan siasatan lanjut terhadap kes terbabit tanpa sebarang campur tangan.

"Belum lagi. Tak ada maklum balas lagi. Kita serahkan kepada SPM. Kes itu di bawah siasatan SPM dan (perkembangan siasatan) itu perlu penjelasan daripada SPM.

"Kita pun telah kemukakan laporan siasatan yang Kementerian Pertahanan jalankan siasatan bersama dengan jawatankuasa siasatan (Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan) diketuai oleh Tan Sri Ambrin Buang

"Jadi, siasatan selanjutnya kita akan serahkan kepada SPM kerana kuasa siasatan tidak ada di Kementerian Pertahanan," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Festival Seni Bina Kuala Lumpur, di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai perkembangan siasatan isu 'land swap' oleh SPRM.

Pada Februari tahun lalu, Kementerian Pertahanan mendedahkan kerajaan mengalami kerugian lebih RM500 juta sejak 1997.

Ia selepas berlaku pertukaran tanah atau 'land swap' yang menjadi keadah pembangunan kem-kem tentera, perumahan anggota tentera dan fasiliti lain dibiayai melalui pertukaran tanah milik Persekutuan yang diberikan kepada pihak swasta untuk membangunkannya.

Keseluruhan 16 projek 'land swap' itu membabitkan seluas 1,186 hektar tanah milik Persekutuan bernilai RM4.7 bilion dan nilai projek yang sepatutnya dibangun adalah sebanyak RM4.8 bilion.

Kali terakhir SPRM mengeluarkan kenyataan berhubung kes itu adalah pada November tahun lalu melalui Ketua Pesuruhjaya, Latheefa Koya.

Latheefa dipetik sebagai berkata, pihaknya memerlukan masa kerana berhadapan kesukaran untuk mendapatkan bukti.



Bekas Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan, Tan Sri Dr Madinah Mohamad hadir di Kompleks Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur untuk perbicaraan kes membabitkan isteri bekas Perdana Menteri Datin Seri Rosmah Mansor hari ini. Rosmah, 68, berdepan tuduhan meminta RM187.5 juta dan dua pertuduhan menerima suapan sebanyak RM6.5 juta daripada Saidi menerusi bekas pembantu Rosmah iaitu Datuk Rizal Mansor sebagai upah membantu syarikat berkenaan mendapatkan Projek Bersepadu Sistem Solar Photovoltaic (PV) Hibrid serta Penyelenggaraan dan Operasi Genset/Diesel bagi 369 sekolah luar bandar Sarawak bernilai RM1.25 bilion secara rundingan terus daripada Kementerian Pendidikan

10. Rakan kongsi Jepak ugut bongkar pembabitan Najib dan Mem

KUALA LUMPUR: Rakan kongsi kepada Pengarah Urusan Jepak Holdings Sdn Bhd, Rayyan Radzwill Abdullah, mengugut untuk membongkar pembabitan Datuk Seri Najib Razak dan isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor dalam urusan perolehan projek solar hibrid kepada pembangkang.

Ugutan itu dibuat susulan perselisihan faham antara Pengarah Urusan Jepak, Saidi Abang Samsuddin sehingga menyebabkan Rayyan kemudian berusaha merampas kontrak projek itu daripada Saidi.

Bekas Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pendidikan, Tan Sri Dr Madinah Mohamad, 64, dalam pernyataan saksinya, berkata antara bulan Oktober atau November 2017 dan Mei 2018, Rayyan menghantar banyak mesej melalui WhatsApp kepada beliau.

Daripada mesej itu, beliau mendapati Rayyan berselisih faham dan mendakwa Saidi melakukan pelbagai kesalahan dalam projek solar hibrid seperti mengubah terma kontrak asal, membuat tuntutan palsu dan menipu wang beberapa pihak.

"Tujuan Rayyan memberitahu saya perkara itu adalah supaya saya akan membantu dia berjumpa Najib bagi merampas kontrak projek solar hibrid daripada Saidi dan Jepak.

"Rayyan juga memberitahu saya dia akan membongkarkan pembabitan "PM" dan "Mem" dalam urusan perolehan projek itu kepada pembangkang sekiranya saya tidak membantu," katanya.

Madinah yang juga bekas Ketua Audit Negara berkata beliau tidak melayan permintaan dan mesej Rayyan, namun pada peringkat awal pernah menghubungkan Rayyan dengan Ketua Setiausaha Sulit Najib, Datuk Iskandar Kaus bagi urusan temu janji.

Saksi keenam pendakwaan itu juga berkata, beliau turut mengarahkan pegawainya untuk mengaudit pembayaran Kementerian Pendidikan kepada Jepak dalam projek solar hibrid kerana Rayyan mengadu berkenaan isu pembayaran tidak teratur.


"Audit itu dimulakan dalam suku tahun pertama 2018.

"Saya juga menghantar isi kandungan WhatsApp itu melalui telefon bimbit saya kepada telefon pegawai penyiasat atas permintaan beliau," katanya.

Terdahulu di awal prosiding, Madinah berkata, projek solar hibrid yang dicadangkan Jepak adalah berisiko tinggi yang perlu dirancang dengan teliti dan dilaksanakan dengan berhati-hati.

Ini kerana anggaran kos yang terbabit adalah RM1.25 bilion membabitkan skop pelaksanaan meluas oleh satu syarikat dan terdapat pelbagai isu lain.

"Aspek penjimatan yang disebut Jepak tidak disahkan lagi kerana ia bergantung kepada pelbagai faktor seperti prestasi dan keupayaan syarikat, kos pengoperasian, penyelenggaraan panel solar PV jangka panjang, faktor geografi dan sebagainya," katanya.



PEGUAM, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah hadir ketika perbicaraan Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di Mahkamah Jalan Duta

11. Pegawai penyiasat 1MDB tidak mahu jumpa peguam Najib

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi hari ini diberitahu, pegawai penyiasat kes 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Asisten Komisioner Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Mohd Nasharudin Amir, enggan ditemubual oleh peguam yang mewakili bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah memaklumkan kepada Hakim Mohd Nazlan Mohd Ghazali, pihak pembelaan dijadualkan menemubual Mohd Nasharudin, Sabtu lalu sebelum beliau memberikan keterangan hari ini sebagai saksi pembelaan.

"Beliau bagaimanapun membatalkan sesi temubual itu pada saat akhir... Saksi mulanya bersetuju ditemubual pada Sabtu lalu, tapi ketika saya bersiap pada pagi itu, saksi beritahu dia enggan ditemubual.

"Ia sangat penting bagi kes pembelaan bagi anak guam saya mendapatkan perbicaraan yang adil. Kami ada hak untuk menemubual saksi supaya kami dapat bukti yang relevan dan bukannya bukti yang tidak berkaitan.

"Mana-mana saksi yang dipanggil memberikan keterangan tanpa ditemubual terlebih dahulu adalah satu kecuaian kerana beliau mungkin boleh menjadi saksi 'kamikaze' yang memusnahkan kes pembelaan dengan cara yang adil atau sebaliknya," katanya.

Muhammad Shafee berkata demikian pada prosiding bela diri kes pecah amanah, rasuah dan pengubahan wang haram dana RM42 juta milik SRC International Sdn Bhd yang dihadapi Najib.

Beliau berkata, ia adakah pra-syarat bagi pihak pembelaan untuk menemubual saksi itu untuk mengetahui apakah perkara relevan yang akan dinyatakan dalam prosiding perbicaraan nanti.

Beliau sehubungan itu memohon mahkamah untuk mengeluarkan perintah supaya Mohd Nasharudin ditemubual terlebih dahulu sebelum saksi itu memberikan keterangan sebagai saksi pembelaan ketujuh.

Timbalan Pendakwa Raya Datuk V Sithambaram yang membantah permohonan pembelaan itu berhujah, mahkamah tidak ada bidang kuasa untuk memaksa saksi ditemubual oleh peguam bela sebelum memberikan keterangan.

Sithambaram berkata, permohonan itu adalah mengenai isu yang membabitkan pihak pembelaan dan saksi sahaja.

Menurut Sithambaram, Mohd Nasharudin bukannya saksi yang ditawarkan oleh pihak pendakwaan, sehubungan itu mahkamah tiada kuasa untuk memerintahkan saksi ditemubual peguam bela.

Sementara itu, Peguam Negara Tan Sri Tommy Thomas pula berhujah, seseorang saksi boleh memilih untuk tidak ditemubual sebelum memberikan keterangan dan ia adalah satu perkara yang normal.

"Jika pembelaan tidak dapat menemui saksi, ini bukan pertama kali perkara seperti ini berlaku.

"Yang Arif, saksi ini sudah berada di bilik saksi dan bersedia pada bila-bila masa untuk memberikan keterangan sebagai saksi pembelaan ketujuh," katanya.

Tommy berkata, Mohd Nasharudin juga perlu diberi peluang melantik peguam sendiri untuk menjawab permohonan yang dikemukakan pihak pembelaan.

Mohd Nazlan kemudian melapangkan perbicaraan pada hari ini dan menetapkan Isnin depan bagi mendengar hujahan lanjut sebelum membuat keputusan.



BEKAS Ketua Audit Negara, Tan Sri Dr Madinah Mohamad hadir sebagai saksi pada perbicaraan kes rasuah berhubung projek tenaga solar di sekolah luar bandar Sarawak di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur

12. Pelaksanaan projek solar hibrid arahan Najib - Saksi

KUALA LUMPUR: Pelaksanaan projek solar hibrid Jepak adalah di atas arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan bukan inisiatif Kementerian Pendidikan sendiri.

Bekas Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pendidikan, Tan Sri Dr Madinah Mohamad, 64, dalam keterangannya ketika perbicaraan kes rasuah dihadapi Datin Seri Rosmah Mansor, berkata perkara itu dimaklumkan kepada Kementerian Kewangan menerusi surat dihantar kepada Setiausaha Bahagian Perolehan Kerajaan di Kementerian Kewangan ketika itu, Datuk Othman Semail.

Madinah yang juga saksi keenam pendakwaan itu, berkata projek solar hibrid itu tiada dalam perancangan pembangunan Kementerian Pendidikan, selain tidak wujud keperluan mendesak di peringkat kementerian untuk menyegerakan urusan perolehan projek berkenaan.

Katanya, rancangan pembekalan tenaga elektrik sedia ada dalam Kementerian Pendidikan adalah projek genset diesel dan penyambungan ke talian grid elektrik saja.

"Tanpa minit Najib bertarikh 7 Jun 2016, saya tidak akan melayan Jepak yang tidak memberikan pecahan kos dan maklumat mengenai skop kerja terperinci dan perunding bertauliah yang dilantik untuk projek ini.

"Kementerian Pendidikan mampu menunggu hasil keputusan ujian rintis dan kajian terperinci untuk menentukan keupayaan Jepak, skop serta kos pelaksanaan solar hibrid seperti jumlah panel solar PV dan kebolehlaksanaan di setiap sekolah," katanya.

Tambahnya, sekiranya urusan perolehan projek solar hibrid itu tidak dapat diselesaikan menjelang 31 Disember 2016, kontrak genset diesel sedia ada boleh dilanjutkan untuk memberi ruang kepada proses kerja projek berkenaan.

Madinah berkata, pengalaman Jepak dalam mengendalikan projek kerajaan adalah merujuk kepada pengalaman membekalkan perkhidmatan pembekalan diesel dan penyelenggaraan genset diesel dalam projek genset diesel saja.

"Setahu saya, Jepak hanya memiliki kelayakan menjalankan kerja sivil dan mekanikal daripada carian CIDB yang pernah ditunjukkan kepada saya," katanya.

Madinah berkata, dalam memo Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan kepada Menteri Pendidikan bertarikh 16 Jun 2016, beliau menyatakan beberapa masalah berkenaan status pertimbangan projek solar hibrid pada masa itu.

"Saya menekankan kepada Datuk Seri Mahdzir Khalid bahawa kos terperinci bagi pemasangan setiap solar dan kos penyelenggaraan tidak dikemukakan oleh Jepak.

"Jepak juga memaklumkan tiada perunding bertauliah yang dilantik bagi memberi khidmat nasihat berkaitan cadangan projek buat masa ini," katanya.

Tambahnya, beliau turut memaklumkan kepada Mahdzir bahawa tiada maklumat lanjut dan lengkap dapat diperolehi daripada perbincangan yang diadakan bersama-sama Jepak.

Rosmah, 68, mengaku tidak bersalah atas pertuduhan meminta RM187.5 juta dan dua pertuduhan menerima rasuah RM6.5 juta daripada Pengarah Urusan Jepak Holdings Sdn Bhd, Saidi Abang Samsudin, menerusi bekas pembantu Rosmah iaitu Datuk Rizal Mansor bagi projek membekalkan tenaga solar kepada 369 sekolah luar bandar di Sarawak.

Rosmah didakwa melakukan perbuatan itu di tiga tempat berasingan iaitu Lygon Cafe, Sunway Putra Mall, Jalan Putra; di kediamannya di Jalan Langgak Duta, Taman Duta dan di Kediaman Seri Perdana, Persiaran Seri Perdana, Presint 10, Putrajaya, antara Januari 2016 dan 7 September 2017.



Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kementerian Kewangan Malaysia, Datuk Othman Semail hadir sebagai saksi pada perbicaraan kes rasuah berhubung projek tenaga solar di sekolah luar bandar Sarawak di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

13. Jepak tetap kos projek solar hibrid

KUALA LUMPUR: Syarikat Jepak Holdings Sdn Bhd (Jepak) menetapkan sendiri kos pelaksanaan projek solar hibrid iaitu sebanyak RM1.25 bilion tanpa melakukan sebarang rundingan harga dengan Kementerian Pendidikan.

Perkara itu didebakkan Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan) Kementerian Kewangan, Datuk Othman Semail, 58, dalam keterangannya pada perbicaraan kes rasuah dihadapi Datin Seri Rosmah Mansor di Mahkamah Tinggi di sini, hari ini.

Othman berkata, projek solar hibrid adalah satu projek yang dicadangkan oleh Jepak dan pelaksanaannya dianugerahkan atas arahan dan kelulusan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

"Kementerian Pendidikan mengeluarkan Surat Setuju Terima (SST) bertarikh 10 November 2016 kepada Jepak untuk melaksanakan projek itu.

"Saya dan Bahagian Perolehan Kerajaan terbabit dalam urusan perolehan projek solar hibrid kerana ia dianugerahkan melalui kaedah rundingan terus," katanya ketika membacakan pernyataan saksi.

Saksi ketujuh pendakwaan itu, berkata Jepak tidak mematuhi proses kerja berkaitan rundingan harga sebelum SST dikeluarkan.

Lebih penting, katanya, tiada rundingan harga yang dibuat antara Kementerian Pendidikan dan Jepak untuk mendapatkan nilai terbaik untuk wang sebelum SST dikeluarkan.

"Nilai kontrak bagi projek ini sebanyak RM1.25 bilion ditetapkan oleh Jepak dari mula dan diterima sepenuhnya oleh Kementerian Pendidikan.

"Setahu saya, tiada pengurusan nilai yang dibuat sungguhpun ia diwajibkan ke atas projek fizikal yang melebihi RM50 juta," katanya.

Osman berkata, daripada dokumen yang diteliti selama ini, beliau tidak pernah mendapat gambaran jelas mengenai keperluan pelaksanaan projek solar hibrid, skop projek kemampuan Kementerian Pendidikan untuk membiayai serta keupayaan Jepak untuk melaksanakan projek berkenaan.

"Dapatan bahagian saya adalah Kementerian Pendidikan mengeluarkan SST kepada Jepak tanpa menjalankan rundingan harga mahupun dimuktamadkan sebarang rundingan harga oleh Kementerian Kewangan.

"Hal ini adalah kerana tidak wujud sebarang dokumen seperti Laporan Hasil Rundingan Harga dan Lampiran B kepada Pekeliling Perbendaharaan PK 7.14 dalam kes ini," katanya.

Othman berkata, Najib mempunyai kuasa mengikut Seksyen 6(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 untuk mengarahkan bekas Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid, mengeluarkan SST sungguhpun kementerian itu masih belum mematuhi arahan beliau dalam memorandum kedua.

"Bagaimanapun, arahan Najib daripada sudut pentadbiran adalah tidak selari dengan prinsip amalan tadbir urus baik.

"Daripada pengalaman saya sejak 2005, ini satu-satunya kes di mana Najib mengeluarkan arahan untuk mengeluarkan SST kepada menteri beliau berdasarkan permintaan syarikat," katanya.

Beliau berkata, bahagian beliau tidak mengambil sebarang tindakan ke atas Kementerian Pendidikan mengeluarkan SST tanpa menjalankan rundingan.

Sebaliknya, kata beliau, pihaknya sekadar mengambil maklum tindakan Kementerian Pendidikan.

"Selepas SST dikeluarkan, Bahagian Perolehan Kerajaan tidak mempunyai kuasa untuk mengaudit pematuhan peraturan perbendaharaan yang berkuat kuasa sebelum dan ketika SST dikeluarkan.

"Tugas dan tanggungjawab itu terletak kepada Jabatan Audit Negara," katanya.

Othman juga memberitahu mahkamah, berikutan ketidakakuratan prosedur yang berlaku dalam pengeluaran SST kepada Jepak untuk melaksanakan projek solar hibrid, Kementerian Pendidikan menghadapi masalah pembayaran tuntutan Jepak untuk kerja yang dilaksanakan.

"Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan memohon kelulusan dan pengecualian khas daripada melaksanakan proses rundingan harga dan harga dimuktamadkan di Kementerian Kewangan serta pengecualian khas SST tanpa proses rundingan harga.

"Permohonan itu dibuat melalui surat Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan kepada saya bertarikh 26 Mei 2017," katanya.

Rosmah, 68, mengaku tidak bersalah atas pertuduhan meminta RM187.5 juta dan dua pertuduhan menerima rasuah RM6.



Selasa 18 Februari 2020



ISTERI bekas Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor selepas hadir ke Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur bagi perbicaraan kes rasuah projek tenaga solar di sekolah luar bandar Sarawak

14. Sistem solar tidak sesuai di sekolah terpencil di Sarawak

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi hari ini diberitahu, sistem solar tidak sesuai digunakan di sekolah yang terletak di kawasan terpencil Sarawak kerana pokok yang tinggi.

Oleh itu, kaedah terbaik untuk mendapatkan tenaga elektrik berterusan selama 12 jam bagi proses pembelajaran ialah genset/diesel yang tidak perlu disambung kepada grid elektrik.

Bekas Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pendidikan, Tan Sri Dr Madinah Mohamad, 64, berkata kementerian sebelum ini ada pihak mencadangkan untuk menggunakan teknologi solar, bagaimanapun ia hanya membabitkan sekolah yang tidak terlalu terpencil.

Madinah yang menjawab soalan peguam Datuk Akberdin Abdul Kader pada sesi pemeriksaan balas, menjelaskan ketika memegang jawatan sebagai KSU, kementerian memang tidak merancang untuk melaksanakan sistem solar di sekolah luar bandar Sarawak.

"Sekolah luar bandar di Sarawak dalam konteks nasional kalau dibandingkan di Semenanjung agak kekurangan kerana berada di kawasan terpencil dan tidak ada bekalan elektrik berterusan," katanya.

Madinah berkata demikian ketika menjawab soalan Akberdin sebab sistem solar itu sudah lama wujud sebelum saksi itu menjadi KSU lagi dan ia kembali digunakan pada 2013.

Menjawab soalan Akberdin sebab beliau tidak cuba menghentikan penggunaan sistem solar pada peringkat itu, Madinah berkata, beliau ada berbincang perkara terbabit dengan menteri.

Madinah memberi keterangan terhadap Datin Seri Rosmah Mansor yang berdepan tuduhan menerima rasuah wang tunai berjumlah RM5 juta daripada Pengarah Urusan Jepak Holdings Sdn Bhd, Saidi Abang Samsudin, 60.

Wang itu sebagai upah kerana membantu syarikat berkenaan mendapatkan Projek Bersepadu Sistem Solar Photovoltaic (PV) Hibrid serta Penyelenggaraan dan Operasi Genset/Diesel bagi 369 sekolah luar bandar Sarawak bernilai RM1.25 bilion, secara rundingan terus daripada Kementerian Pendidikan.



Pasukan pembelaan kes rasuah dihadapi Rosmah diarah tidak mengajukan soalan menyentuh hal peribadi saksi keenam pendakwaan, Madinah (kiri)

15. Mahkamah larang peguam bela tanya soalan peribadi saksi

KUALA LUMPUR: Pasukan pembelaan kes rasuah dihadapi Datin Seri Rosmah Mansor, diarah tidak mengajukan soalan menyentuh hal peribadi saksi keenam pendakwaan yang juga bekas Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pendidikan, Tan Sri Dr Madinah Mohamad.

Hakim Mahkamah Tinggi, Mohamed Zaini Mazlan, mengeluarkan arahan itu ketika pemeriksaan balas oleh peguam bela, Datuk Akberdin Abdul Kader, yang mewakili Rosmah.

Terdahulu pada prosiding perbicaraan yang masuk hari kesembilan, Akberdin dilihat cuba membangkit isu keakraban di antara Madinah dan Rosmah ketika lawatan rasmi beliau bersama isteri bekas Perdana Menteri itu di Los Angeles, Amerika Syarikat.

Akberdin kemudian menyentuh perkara khusus membabitkan hal peribadi Madinah dengan menyatakan: "Saya mendapat arahan daripada anak guam untuk bertanyakan soalan ini.

Mohamed Zaini kemudian mencelah dan mempersoalkan sama ada soalan itu relevan untuk ditanyakan kepada Madinah.

Akberdin bagaimanapun mempertahankan tindakannya dengan memberitahu mahkamah bahawa beliau tiada niat mengaibkan saksi dan hanya ingin menunjukkan bahawa soalan yang dikemukakan adalah relevan, sebelum meneruskan pemeriksaan balasnya dengan membangkitkan beberapa lagi butiran terperinci.

Soalan Akberdin itu kemudian mengundang bantahan daripada Timbalan Pendakwa Raya Kanan, Datuk Seri Gopal Sri Ram, yang menyatakan perkara itu menghina Madinah.

Sri Ram berkata: "Perkara ini adalah tidak wajar bagi seorang peguam."

Bantahan turut dibangkitkan Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad Akhram Gharib, yang menyatakan peruntukan mengikut Akta Keterangan melarang sebarang soalan yang berniat menghina atau mencetuskan kebimbangan diajukan di mahkamah.

Mahkamah kemudian mengingatkan Akberdin supaya menyusun semula soalannya dan tidak menyentuh perkara terperinci.

Mohamed Zaini juga mengarahkan kenyataan Akberdin sebelum itu dihapuskan dari rekod mahkamah dan mengingatkan petugas media yang berada di galeri awam untuk tidak melaporkannya.

Terdahulu pada prosiding itu, Akberdin turut mempersoalkan tindakan Madinah yang tidak mengambil inisiatif membuat temujanji berjumpa Datuk Seri Najib Razak bagi menjelaskan mengapa projek solar hibrid itu tidak seharusnya dijalankan.

Madinah bagaimanapun menjawab: "Saya tidak dapat berbuat demikian."

Madinah: Sebagai penjawat awam, KSU (Ketua Setiausaha) dan pegawai pengawal, kami mempunyai hierarki. Saya sudah maklumkan kepada bekas Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berhubung perkara yang menyukarkan pelaksanaan projek solar berkenaan dan menteri memberitahu akan menyampaikan isu itu kepada Perdana Menteri, jadi bukanlah tempat saya untuk melangkaui menteri dengan berjumpa Perdana Menteri.

Rosmah, 68, mengaku tidak bersalah atas pertuduhan meminta RM187.5 juta dan dua pertuduhan menerima rasuah RM6.5 juta daripada Pengarah Urusan Jepak Holdings Sdn Bhd, Saidi Abang Samsudin, menerusi bekas pembantu Rosmah iaitu Datuk Rizal Mansor bagi projek membekalkan tenaga solar kepada 369 sekolah luar bandar di Sarawak.

Rosmah didakwa melakukan perbuatan itu di tiga tempat berasingan iaitu Lygon Cafe, Sunway Putra Mall, Jalan Putra; di kediamannya di Jalan Langgak Duta, Taman Duta, dan di Kediaman Seri Perdana, Persiaran Seri Perdana, Presint 10, Putrajaya, antara Januari 2016 dan 7 September 2017.



Ben Ben hadir pada perbicaraan kes rasuah Ahmad Zahid di Mahkamah Tinggi Jenayah 1, Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur.

16. RM6 juta jadi sumbangan politik jangka panjang - saksi

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi hari ini diberitahu, cadangan supaya sumbangan politik RM6 juta diberikan kepada Barisan Nasional melalui Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi, adalah bagi tujuan jangka masa panjang.

Timbalan Pengarah Urusan Datasonic Group Berhad (DGB), Chew Ben Ben, 63, mengakui beliau tidak akan mencadangkan pemberian itu jika Ahmad Zahid bukan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri ketika itu.

Menurut Ben Ben yang juga saksi pendakwaan ke-34, beliau mencadangkan kepada bekas Ketua Pegawai Eksekutif DGB, Datuk Abu Hanifah Noordin, bahawa pemberian sumbangan melalui Ahmad Zahid.

Saksi itu berkata, beliau berjumpa Ahmad Zahid di kediaman rasmi tertuduh di Seri Satria, Putrajaya pada April 2017, dan dalam pertemuan itu Ahmad Zahid menceritakan mengenai perjalanan kerjayanya sebelum menceburi bidang politik.

"Ahmad Zahid ada beritahu saya bahawa beliau menghormati syarikat DGB kerana prestasinya yang baik.

"Beliau (Ahmad Zahid) juga ada beritahu kepada saya bahawa pilihan raya sudah dekat dan juga mengenai keadaan semasa politik dalam negara,"

"Ahmad Zahid beritahu, beliau akan berjumpa Datuk Seri Najib Razak yang ketika itu Perdana Menteri, untuk berbincang mengenai pilihan raya akan datang," katanya.

Ben Ben yang juga Ahli Lembaga Pengarah DGB, berkata demikian ketika memberikan keterangan terhadap Ahmad Zahid yang berhadapan 47 pertuduhan membabitkan dana Yayasan Akalbudi dan rasuah berhubung pemberian kontrak pembekalan cip pasport kepada beberapa syarikat.

Saksi itu yang membacakan pernyataan saksi, berkata pada waktu itu beliau dapat mengagak bahawa BN memerlukan wang bagi urusan pilihan raya.

Menurut Ben Ben, beliau kemudian bertanya kepada Ahmad Zahid sama ada beliau dan Hanifah boleh membuat sumbangan politik kepada BN dan berapa jumlah yang diperlukan

Katanya, Ahli Parlimen Bagan Datuk itu memberitahu yang kadar itu terpulang kepada mereka berdua berapa jumlah yang hendak disumbangkan kepada BN.

"Ahmad Zahid kemudian mengarahkan saya untuk menyediakan cek atas nama Lewis & Co, iaitu pemegang amanah Yayasan Akalbudi.

"Saya mencadangkan kepada Hanifah yang juga pemilik syarikat Sarana Kencana Sdn Bhd, untuk mengeluarkan wang peribadinya (Hanifah) berjumlah RM6 juta melalui cek yang dikosongkan bahagian penama, untuk diserahkan kepada Ahmad Zahid.

"Saya mencadangkan supaya Hanifah menggunakan wang peribadi beliau, kerana syarikat DGB tidak boleh mengeluarkan wang sumbangan daripada akaun syarikat berikut ia perlu mendapat kelulusan ahli lembaga pengarah DGB," katanya.

Ketika pemeriksaan balas pula, peguam Datuk Ahmad Zaidi Zainal yang mewakili Ahmad Zahid, mencadangkan kepada saksi bahawa sumbangan politik itu adalah bagi tujuan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) dan untuk tujuan amal.

Cadangan peguam itu dipersetujui oleh saksi.

Ketika dicadangkan oleh peguam berkenaan bahawa wang RM6 juta yang diberikan melalui Lewis & Co adalah untuk disalurkan kepada Yayasan Akalbudi bagi menjalankan kerja amal, saksi itu menjawab, "saya tahu."

Saksi kemudian disoal semula oleh Timbalan Pendakwa Raya Gan Peng Kun yang meminta Ben Ben menjelaskan apa yang dimaksudkannya bahawa sumbangan politik itu adalah 'amal'.

Saksi itu berkata, "sumbangan politik itu adalah termasuk tujuan amal (charity)."

Perbicaraan di hadapan Hakim Collin Lawrence Sequerah bersambung esok.



BEKAS Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor hadir di Akademi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, kira-kira 3 petang tadi untuk memberi keterangan.

17. Najib, Rosmah beri keterangan kepada SPRM pula

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor hadir di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia, kira-kira 3 petang tadi untuk memberi keterangan.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memanggil mereka untuk memberi keterangan berhubung pendedahan rakaman audio.

Pagi tadi, Najib dan Rosmah memberi keterangan di Bukit Aman bagi membantu siasatan susulan pendedahan klip audio berkenaan.

Baru-baru ini, Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador dilapor berkata, lebih ramai individu akan dipanggil untuk memberi keterangan bagi siasatan berhubung pendedahan sembilan rakaman audio oleh SPMR.

Pada 15 Januari lalu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Latheefa Koya, Timbalannya, Datuk Seri Azam Baki dan lima pegawai suruhanjaya itu memberi keterangan hampir empat jam kepada polis berkaitan rakaman audio berkenaan.

SPRM pada 8 Januari mendedahkan nama 20 individu termasuk Najib, Rosmah dan Ahli Parlimen Baling, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim yang dirakam perbualannya, sama ada terbabit dalam

perbualan atau disebut mengenai skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan SRC International Sdn Bhd (SRC).

Senarai yang turut membabitkan beberapa kenamaan asing, diperoleh daripada sembilan set rakaman perbualan 45 minit diperdengar SPRM pada satu sidang media.

Semua rakaman perbualan yang didedahkan itu dipercayai berlaku di antara 5 Januari hingga 29 Julai 2016, diperoleh SPRM awal tahun ini daripada pihak tidak didedahkan, tetapi agensi antirasuah itu yakin rakaman terbabit tulen.



Jumaat 21 Februari 2020



Ahli Parlimen Pontian, Datuk Seri Ahmad Maslan

18. Ahmad Maslan mohon batalkan tuduhan

KUALA LUMPUR: Ahli Parlimen Pontian, Datuk Seri Ahmad Maslan, memohon untuk membatalkan pertuduhan gagal mengisytiharkan RM2 juta yang diterima daripada Datuk Seri Najib Razak kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan memberi penyataan palsu kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang dihadapinya.

Peguam Hamidi Mohd Noh yang mewakili Ahmad, 54, berkata permohonan notis usul itu difaikkan pada 11 Februari lalu dan telah diserahkan kepada pihak pendakwaan pada 14 Februari.

"Saya percaya pihak pendakwaan memerlukan masa untuk membela dan menjawab notis usul berkenaan," katanya pada sebutan kes itu di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen Azman Ahmad, hari ini.

Timbalan Pendakwa Raya, Siti Noor Hafizan Zakaria, mengesahkan pihaknya menerima notis usul itu dan memerlukan masa untuk menjawabnya.

Siti Noor Hafizan turut memberitahu mahkamah, pihaknya telah menyerahkan beberapa dokumen termasuk rakaman percakapan tertuduh (Ahmad) oleh SPRM kepada pihak pembelaan mengikut Seksyen 51A Kanun Tatacara Jenayah.

Mahkamah menetapkan 26 Mac untuk mendengar permohonan itu.

Ketika ditemui pemberita di luar mahkamah, Hamidi berkata, permohonan berkenaan difaillkan atas alasan pertuduhan terhadap anak guamnya adalah tidak berasas.

Pada 21 Januari lalu, Ahmad mengaku tidak bersalah atas dua pertuduhan iaitu gagal mengisyiharkan RM2 juta yang diterima daripada Najib kepada LHDN dan memberi penyataan palsu kepada SPRM.

Bagi pertuduhan pertama, Ahmad didakwa membabitkan diri dalam pengubahan wang haram dengan cara tidak melaporkan pendapatan sebenar dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan Bagi Tahun Taksiran 2013 yang bertentangan dengan Seksyen 113(1)(a) Akta Cukai Pendapatan 1967.


Bekas Timbalan Menteri Kewangan itu dituduh melakukan perbuatan berkenaan dengan tidak mengisyiharkan pendapatan yang diterima daripada Najib berjumlah RM2 juta melalui sekeping cek AmIslamic Bank Berhad bertarikh 27 November 2013, dan cek itu telah ditunaikan sendiri oleh tertuduh pada hari sama.

Oleh itu, tertuduh didakwa telah membabitkan diri secara langsung dalam transaksi membabitkan hasil daripada sesuatu aktiviti haram.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di LHDN, Cawangan Duta, Kompleks Pejabat Kerajaan, Jalan Tuanku Abdul Halim pada 30 April 2014, mengikut Seksyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 yang memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM5 juta atau penjara maksimum lima tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Ahmad juga dituduh memberi penyataan-penyataan palsu ketika percakapannya dirakam mengikut Seksyen 32 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram oleh pegawai penyiasat SPRM iaitu Ketua Penolong Kanan Pengguna, Mohd Zairi Zainal, di bilik sidang media, Bangunan Parlimen, Jalan Parlimen di sini antara 2.45 petang hingga 3.30 petang pada 4 Julai 2019.

Pertuduhan mengikut Seksyen 32(8)(c) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram yang membawa hukuman denda tidak melebihi RM3 juta atau penjara maksimum lima tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.



19. Goldman Sachs mengaku tidak bersalah tuduhan terbitan bon 1MDB RM27.2 BILION

KUALA LUMPUR: Wakil Goldman Sachs International Ltd, yang berpangkalan di United Kingdom dan entitiya di Asia, Goldman Sachs (Asia) LLC dan Goldman Sachs (Singapura) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Tinggi, di sini, berhubung terbitan bon 1Malaysia Development Berhad (1MDB) bernilai RM27.2 bilion (US\$6.5 bilion).

Wakil syarikat itu, Ng Keng Leong membuat pengakuan tersebut selepas semua pertuduhan dibacakan oleh jurubahasa mahkamah semasa pengurusan kes itu hari ini.

Timbalan Pendakwa Raya (DPP) Zaki Asyraf Zubir, Norinna Bahadun, Aaron Chelliah dan Mohamad Mustaffa P. Kunyalam mewakili pihak pendakwaan, manakala peguam Hisyam Teh Poh Teik, Krishna Dallumah, Datuk Prem Ramachandran dan Chetan Jethawani mewakili Goldman Sachs.

Zaki Asyraf memohon semua pertuduhan terhadap ketiga-tiga entiti itu dibicarakan bersama dan beliau juga memberitahu mahkamah pihak pendakwaan akan memanggil 30 saksi untuk memberi keterangan.

Hakim Mahkamah Tinggi Mohamed Zaini Mazlan menetapkan tarikh perbicaraan pada 9, 10, 11, 12, dan 13 November ini; 4, 5, 6, 7 dan 8 Januari 2021; 15, 16, 17, 18, 19, 22, 23, 24, 25 dan 26 Februari 2021; 8, 9, 10, 11, 15, 16, 17 dan 18 Mac 2021 serta 5, 6, 7, 8, 12, 13, 14 dan 15 April 2021.

Mahkamah juga menetapkan 18 Mei ini untuk pengurusan kes.

Pada Disember 2018, Malaysia memfailkan empat pertuduhan terhadap Goldman Sachs di Mahkamah Majistret di sini kerana didakwa meninggalkan fakta material berhubung penjualan bon terbitan antara anak syarikat 1MDB dengan Aabar Investments PJS Ltd (Aabar).

Kesalahan itu didakwa dilakukan di premis 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Aras 8, Menara IMC, No. 8, Jalan Sultan Ismail, di sini antara 19 Mac 2012 hingga 11 November 2013.

Syarikat itu didakwa mengikut seksyen 179(c) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan boleh dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun dan didenda tidak kurang daripada RM1 juta, jika sabit kesalahan.

Jabatan Keadilan Amerika Syarikat menganggarkan kira-kira US\$4.5 bilion (RM19.02 bilion) diselewengkan daripada 1MDB antara 2009 hingga 2014.



Saksi pembelaan Pengarah Urusan Putra Perdana Construction Sdn Bhd Datuk Rosman Abdullah hadir memberi keterangan di Mahkamah Tinggi hari ini, pada perbicaraan kes bekas Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak membabitkan dana SRC International Sdn Bhd.

20. RM32 juta daripada Putra Perdana masuk akaun Najib

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi hari ini diberitahu, wang berjumlah RM32 juta dipindah masuk ke dalam akaun peribadi Datuk Seri Najib Razak atas arahan ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho yang lebih dikenali dengan nama Jho Low.

Pengarah Urusan Putra Perdana Construction Sdn Bhd (PPSB), Datuk Rosman Abdullah, 53, dalam keterangannya berkata wang itu adalah sebahagian daripada RM170 juta yang sebelum itu dimasukkan ke dalam akaun PPSB.

Menurut Rosman, sebahagian daripada RM170 juta, iaitu wang berjumlah RM34.9 juta dipindah keluar daripada akaun PPSB dan dimasukkan ke dalam akaun Permai Binraya Sdn Bhd.

Menurut Rosman yang juga Pengarah Urusan Kumpulan Putrajaya Perdana Berhad (PPB), daripada jumlah itu RM27 juta dimasukkan ke dalam akaun Ambank Najib dengan nombor akaun berakhir 880 pada 8 Julai 2014 manakala RM5 juta berakhir di dalam akaun bekas Perdana Menteri itu melalui akaun berakhir 906 pada 10 September 2014.

PPSB dan PBSB adalah syarikat subsidiari kepada PPB.

Rosman berkata demikian ketika membacakan pernyataan saksinya yang menunjukkan transaksi perbankan perjalanan wang terbabit ketika menjawab soalan peguam Farhan Read pada sesi pemeriksaan utama.

Saksi pembelaan kelapan itu berkata, beliau mulanya diberitahu oleh Jho Low bahawa wang RM170 itu adalah pendahuluan bagi kontrak sedang dirundingkan oleh beliau (Jho Low) yang akan dimasuki oleh PPC.

Rosman berkata, wang berjumlah RM170 juta itu dimasukkan ke dalam akaun PPSB melalui tiga peringkat iaitu RM35 juta pada 8 Julai 2014; RM105 juta pada 14 Julai 2014 dan RM30 juta pada 8 Ogos 2014 atas arahan Jho Low.

Saksi itu berkata, mulanya beliau tidak mengetahui bahawa akaun berakhir dengan nombor 880 dan 906 adalah milik Najib.

"Saya sangat terkejut apabila kemudiannya mendapat tahu melalui penerbitan dalam internet yang mendakwa bahawa akaun itu milik Najib.

"Apabila saya ditahan reman oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada Julai 2015, pegawai penyiasat beritahu perkara sama," katanya,

Rosman berkata demikian ketika memberikan keterangan dalam perbicaraan kes rasuah, pecah amanah dan pengubahan wang haram dana RM42 juta milik SRC International Sdn Bhd yang dihadapi oleh Najib.

Sementara itu, Rosman berkata pihaknya tidak pernah membuat sebarang perjanjian untuk mendahului wang kepada Najib, malah beliau tidak pernah mengizinkan tindakan sebegitu.

Rosman berkata, sebelum ditahan SPMR pada 24 Julai 2015, beliau melihat Jho Low sebagai seorang ahli perniagaan yang jujur dan kompeten.

Katanya, perhubungan beliau dan Jho Low pada waktu itu boleh dianggap sebagai 'perhubungan profesional yang mesra'.

"Selepas saya ditahan dan direman dan kini selepas saya sudah mendapat gambaran sebenar apa yang berlaku kepada pindahan RM170 juta itu, saya boleh gambarkan beliau sebagai seorang penipu, cekap dan sangat licik.

"Jho Low menipu saya, saya tidak tahu bahawa SRC adalah syarikat berkaitan kerajaan dan akaun Ambank adalah milik Najib.

"Saya kemudian dibebaskan dan diberi surat pelepasan daripada SPMR dan Pejabat Peguam Negara," katanya.

Saksi itu selanjutnya berkata, beliau cuba menghubungi rakan sekutu ahli perniagaan itu bagaimanapun tiada seorang pun yang memberikan maklum balas.